

25/02/2001

Rustam dakwa Zam burukkan reputasi Usman

KUALA LUMPUR: Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, didakwa memburukkan reputasi Sasterawan Negara, Datuk Usman Awang dengan mempengaruhinya agar menerima satu anugerah khas yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama dulu.

Dalam satu kenyataannya kepada lidah rasmi Pas keluaran terbaru, Naib Presiden Parti Rakyat Malaysia, Rustam A Sani dilaporkan berkata, Zainuddin berbuat demikian untuk mengatasi pengaruh Sasterawan Negara, Datuk Shahnnon Ahmad yang menggegarkan dunia sastera dengan novel Shitnya.

"Bukankah Zam (Zainuddin) yang berusaha memujuk Usman menerima anugerah khas itu sebagai satu usaha untuk mengatasi pengaruh Shahnnon.

"Akhirnya yang menjadi mangsa ialah reputasi Sasterawan Negara Usman sendiri termasuk di kalangan teman akrabnya," kata Rustam.

Beliau juga mendakwa reputasi wartawan negara, Tan Sri A Samad Ismail dan Datuk Mazlan Nordin turut menjadi mangsa dan hilang rasa hormat di kalangan teman-temannya kerana mereka melakukan tugas yang sama seperti yang dilakukan oleh Zam di New Straits Times dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis).

Katanya, pelantikan Zainuddin sebagai Setiausaha Parlimen baru-baru ini untuk memudahkan beliau menjalankan tugas yang telah lama dilakukannya.

Rustam juga mendakwa Zainuddin bertanggungjawab terhadap beberapa rencana Utusan yang menghentamnya dan juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr Chandra Muzaffar, yang menurutnya disingkirkan daripada Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

Beliau menyatakan tidak percaya bahawa penonton TV3 dan RTM telah meningkat, begitu juga penjualan akhbar utama selain meramalkan Zainuddin akan menghadapi kegagalan dalam tugasnya.

(END)